

# Wanita Pendera Isteri Derhaka

PENSYARAH Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Norhasnira Ibrahim menyatakan berdosa besar bagi isteri yang mendera suaminya. Sedangkan perbuatan meninggikan suara di hadapan suami hukumnya haram, apatah lagi jika mendera suami.

Bertepatan dengan dua buah hadis yang menceritakan bahawa majoriti penghuni neraka adalah wanita. Ini kerana mereka tidak taat kepada suami dan menggunakan lidah untuk menyakiti hati suaminya.

*"Wahai kaum wanita, berzikahlah kamu, kerana aku melihat kalianlah yang paling ramai menghuni neraka." Mereka bertanya: "Apa sebabnya, wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Kerana kalian banyak mengeluh dan mengingkari suami." (HR al-Bukhari)*

*"Kebanyakan ahli neraka adalah terdiri daripada kaum wanita." Maka menangislah mereka dan bertanya salah seorang daripada mereka: "Mengapa terjadi demikian, adakah kerana mereka berzina atau membunuh anak atau kafir?" Baginda menjawab: "Tidak, mereka menggunakan lidah untuk menyakiti hati suami dan tidak bersyukur terhadap nikmat yang disediakan oleh suaminya." (HR Muslim)*

## KAWAL AMARAH

**1.** Beristighfar dan memperbanyakkan doa agar diberikan kesabaran. Andai masih tidak juga reda, jika sedang marah dalam keadaan berdiri, maka duduklah. Sekiranya amarah tidak berkurangan, ambil tindakan berbaring dan akhir sekali berwuduk.

**2.** Bagi isteri yang masih tidak mampu meredakan rasa marahnya dan memerlukan masa untuk menyendiri, sebaiknya manfaatkan waktu tersebut untuk bermuhasabah. Ingat dan kenangkan kembali kebaikan-kebaikan yang telah suami lakukan selama ini. Amatlah tidak berbaloi untuk memarahi dan berdebandam dengan suami hanya disebabkan satu kesilahan yang telah dilakukannya.



Norhasnira

**3.** Didik emosi dan latih diri agar bijak menyeimbangi tanggungjawab antara kerjaya dan peranan sebagai isteri dan ibu di rumah. Jangan mengeluh atau merintih disebabkan rasa lelah kerana pintu syurga terbuka luas buat isteri.

**4.** Berusaha menghargai suami. Bayangkan, berapa ramai wanita di luar sana yang telah kematian suami dan terpaksa membesarkan anak-anak, menguruskan keluarga dan meneruskan kehidupan seharian tanpa adanya suami di sisi mereka. Bersyukur dengan apa yang diberikan oleh suami, berterima kasih kepadanya di atas pengorbanannya sepanjang hidup bersama.



Abuse - General  
pg: 95